

## MENJELANG MALAM PASKA (C)

\  
Kejadian 1:1. 26-31; Kejadian 22:1-2. 9-13. 15-18; Keluaran 14:15-15:1; Yehezkiel 36:16-28 Roma 6:3-11; Lukas 24:1-12

### Tema: **DALAM PEMBAPTISAN KITA MATI DAN BANGKIT BERSAMA YESUS KRISTUS KE DALAM HIDUP BARU PASKA**

1. Sukacita dan berkat Paska kepada kamu semua! Kita mula perayaan Paska ini dengan servis cahaya. Cahaya dalam Perjanjian Baru melambangkan 3 perkara:

(i) Cahaya melambangkan iman yang bertentangan kepada ketiada kepercayaan iaitu kegelapan. (ii) Cahaya melambangkan kehidupan, kepuasan dan kebahagiaan yang bertentangan kepada kematian, kesengsaraan dan penderitaan iaitu kegelapan. (iii) Cahaya melambangkan kebaikan yang bertentangan kepada kejahatan iaitu kegelapan.

Yang lebih penting, 3 tema ini berhubung kait, iaitu, dengan iman dalam Allah, kita menerima kehidupan, dan kehidupan dari Allah itu adalah kebaikan kehidupan!

Dan lebih penting lagi, cahaya akan mengatasi kegelapan, iman akan mengatasi ketiada kepercayaan, kehidupan akan mengatasi kematian, dan kebaikan akan mengatasi kejahatan! Ini adalah disebabkan Yesus Kristus, cahaya dunia, telah datang untuk mengatasi setan kegelapan dunia!

Dan Yesus Kristus, cahaya dunia, akan terus mengatasi setan kegelapan dunia melalui kuasa Roh Kudus sehingga bilamana cahaya itu akan mengatasi kegelapan dengan sekali gus, seutuhnya dan sepenuhnya! Itulah akhir dunia, iaitu, berakhirnya dunia kejahatan, kedatangan Kedua kalinya Yesus Kristus, Parousia!

Servis (tirakatan) cahaya menutupi Pujian Paska! Ayat Pujian Paska yang paling menyentuh adalah:

**“Memang dosa Adam diperlukan agar dapat dilebur dengan wafat Kristus. Sungguh menguntungkanlah dosa, karena mendatangkan Penebus!”**

Bagaimanakah kesalahan Adam menjadi kebahagiaan? Bagaimanakah dosa Adam diperlukan? Bagaimanakah dosa Adam manfaat untuk kita mendapat seorang Penebus? Ayat tersebut bukan memberitahu kita tentang kesalahan dan dosa Adam, tetapi ia memberitahu kepada kita tentang cinta kasih Allah!

Allah mencipta dunia kerana kasih, tetapi apabila kita berdosa Allah akan lebih lagi mengasihi kita! Dia menjadi manusia untuk menyelamatkan kita dari dosa, tetapi apabila kita menyalib-Nya di atas kayu salib Dia lebih lagi mengasihi kita. Dia mati, bangkit dari kematian dan memberi kita Roh Kudus.

Roh Kudus tinggal bukan di surga atau di bumi, tetapi Roh Kudus tinggal di antara kita dan di dalam kita, lebih dekat kepada kita dari kita kepada diri kita sendiri, dan mengasihi kita lebih lagi dari kita mengasihi diri kita sendiri. (Santo Augustinus) Roh Kudus akan terus mengasihi kita sampai kita mengasihi Allah, mengasihi jiran kita dan diri kita sendiri! Itulah masanya akhir dunia, iaitu, berakhirnya dunia kejahatan, kedatangan kedua kali Yesus Kristus, Parousia!

2. Selepas servis cahaya kita akan mendengar 6 bacaan, 4 dari Perjanjian Lama dan 2 dari Perjanjian Baru. Ketiga-tiga bacaan pertama yang diambil dari Perjanjian Lama telah digunakan dalam Liturgi Paska sejak Abad kelima! (Raas, mk 186). Ketiga-tiga bacaan pertama ini adalah dari Hukum, yang keempat bacaan adalah dari Kitab nabi-nabi. Kita harus membaca dari kedua Hukum dan juga Para nabi. (Misal Minggu, 2011).

Bacaan pertama menceritakan mengenai sejarah penyelamatan! Mereka memberitahu kita apa yang Allah telah lakukan untuk kita pada masa lalu dan apa yang Allah akan terus lakukan untuk kita pada masa akan datang dalam pembaptisan!

**Bacaan Pertama** memberitahu kita bahawa Allah mencipta alam semesta, tetapi yang lebih penting, ia memberitahu kita bahawa lelaki dan perempuan diciptanya menurut gambaranNya dan kesamaan untuk menjadi pencipta bersama Allah untuk mencipta kehidupan! Tetapi lelaki dan perempuan melakukan Dosa

Asal Kesombongan dan membawa kematian ke dalam dunia! Padahal, bukan pula dia mencipta kehidupan, lelaki dan perempuan itu memusnahkan kehidupan, memusnahkan alam semesta, memusnahkan satu sama lain dan memusnahkan diri sendiri!

**Bacaan kedua** memberitahu kita bahawa Allah telah memulai sejarah penyelamatan dengan Abraham, bapa iman. Iman Abraham seutuhnya sehingga dia sanggup mengorbankan anaknya Isak kepada Allah! Allah memberkatinya dengan banyak keturunan seperti bintang di langit dan sebanyak pasir di pantai! Kita adalah keturunan Abraham bapa iman! Kita adalah anak-anak iman! Tanpa iman kita tidak boleh dibaptis! Hanya dengan iman kita boleh dibaptis!

**Bacaan ketiga** memberitahu kita mengenai Keluaran, iaitu, pembebasan Israel dari perhambaan di Mesir! Bacaan ketiga memberitahu kita bahawa Allah memusnahkan orang Mesir itu di dalam air Merah dan terselamatlah orang-orang Israel! Yang lebih penting, bacaan ketiga memberitahu kita bahawa Allah akan memusnahkan dosa-dosa kita di dalam air pembaptisan dan menyelamatkan kita dari kematian!

**Bacaan keempat** memberitahu kita tentang Keluaran Baru, Keluaran Kedua, malah lebih penting lagi dari Keluaran Pertama! Bacaan kedua memberitahu kita bahawa orang-orang Israel telah berdosa terhadap Allah dan telah dibuang ke Babilonika, tetapi yang penting lagi, bacaan keempat memberitahu kita bahawa Allah membawa mereka pulang kembali ke tanah air mereka dalam Keluaran Baru! Allah membersihkan mereka dengan air. Allah akan memberi mereka hati yang baru! Allah akan meletakkan roh-Nya di dalam mereka dan mereka akan hidup! Tetapi yang lebih penting lagi, bacaan keempat memberitahu kita bahawa dalam pembaptisan Allah akan membersihkan kita dengan air pembaptisan. Allah akan memberi kita hati yang baru. Allah akan memberi kita Roh Kudus dan kita akan hidup!

**Injil** memberitahu kita mengenai kebangkitan Yesus Kristus! Dalam Injil, dua malaikat telah memberitahu perempuan-perempuan itu bahawa Yesus Kristus telah bangkit dari kematian! Melalui kematian dan kebangkitan Yesus Kristus Roh Kudus akan diberi kepada kita supaya kita akan mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke dalam hidup baru Paska!

Akhir sekali, **bacaan kelima** dari surat-surat kepada umat di Roma, memberitahu kita bahawa di dalam pembaptisan kita mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke dalam hidup baru Paska, tidak akan ada kematian lagi dan tidak akan ada dosa lagi!

**3.** Selepas homili ini kita akan memberkati air. Kita mohon kepada Allah Bapa bersama Putera-Nya Yesus Kristus untuk mengutus Roh Kudus ke atas air itu:

*“Kami mohon, ya Tuhan, semoga dengan perantaraan Putera-Mu kekuatan Roh Kudus turun ke dalam bejana ini.”!*

Lepas itu kita akan mewartakan iman kita dengan menjawab 6 soalan, 3 menyangkal setan yang coba menggoda kita supaya tidak mempunyai iman kepada Allah, dan yang penting, 3 untuk mewartakan iman kita kepada Allah Bapa, Allah Putera dan Allah Roh Kudus! Selepas itu kita akan membaptis dalam nama Bapa, dan Putera, dan Roh Kudus! Dan kita akan mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke dalam hidup baru Paska!

Selepas pembaptisan, yang dewasa akan menerima sakramen penguatan. Mereka akan dikuatkan oleh Roh Kudus untuk menjadi saksi-saksi Yesus Kristus. Perkataan saksi dalam Yunani adalah “martir”, iaitu, seorang yang menderita atau mati kerana kepercayaannya! Yang dewasa akan juga menerima sakramen Ekaristi supaya mereka dapat terus bertumbuh dan menjadi kuat di dalam Roh Kudus! Itulah sebabnya mengapa pentingnya selepas pembaptisan dan penguatan kita terus datang ke Misa Kudus setiap hari Minggu! Sekali lagi, sukacita dan berkat Paska untuk kamu semua! Kita akan teruskan dengan pembaptisan, Penguatan dan Ekaristi!

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**